



Small Medium Enterprise Development Bank  
Malaysia Berhad (49572-H)

### **Kafalah Jaminan Bank-i**

Tarikh :

## **LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil *Kafalah Jaminan Bank-i*. Pastikan juga anda membaca terma yang terkandung di dalam surat tawaran. Sila dapatkan keterangan lanjut dari institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma am)

#### **1. Apakah yang perlu diketahui tentang produk ini?**

- Ia adalah jaminan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Benefisiari (pemberi kontrak/pihak ketiga) di mana Bank memberi jaminan untuk membayar kepada Benefisiari jumlah yang dipersetujui jika Pelanggan ingkar dalam memenuhi tanggungjawab dengan Benefisiari.

#### **2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

##### **• Kafalah**

Kafalah merujuk kepada kontrak di mana Bank memberi jaminan kepada pelanggan dalam menanggung liabiliti tertentu pelanggan. Bank akan mengenakan ujurah (fi) dalam menyediakan kemudahan Kafalah.

#### **3. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?**

- Jaminan ke atas liabiliti tertentu yang diperlukan oleh Benefisiari dalam memenuhi keperluan kontrak/ perjanjian seperti berikut:
  - Bon Pelaksanaan
  - Jaminan Bayaran Pendahuluan
  - Bon Tender
  - Bon Wang Jaminan
  - Lain-lain Jaminan
- Jumlah Jaminan : Seperti mana yang diperlukan oleh benefisiari.
- Tempoh Jaminan : Seperti mana yang diperlukan oleh benefisiari.
- Yuran Jaminan : 1.5 % setahun ke atas nilai Surat Jaminan

#### **4. Apakah tanggungjawab saya?**

- Kewajipan anda adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditetapkan pemberi kontrak/pihak ketiga seperti yang termaktub di dalam kontrak/perjanjian dan pembayaran yuran Jaminan Bank-i.
- **Ilustrasi untuk Kafalah Jaminan Bank.**
  - Jumlah Kontrak : RM10,000,000.00
  - Tempoh Kontrak : 3 tahun
  - Keperluan Jaminan : RM1,000,000.00
  - Jumlah Jaminan Bank : RM1,000,000.00
  - Yuran Jaminan : 1.5 % x 1,000,000.00 x 3 tahun  
= **RM45,000.00**
- Pembayaran yuran jaminan boleh dibuat dalam bentuk cek melalui kiriman pos atau cek deposit di cawangan bank atau perbankan internet dengan mana-mana bank yang mengambil bahagian.

**Nota: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ilustrasi mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap Kafalah Jaminan Bank-i**

#### **5. Apakah caj-caj yang perlu saya bayar?**

##### **a) Duti Setem:**

Seperti yang tertakluk di dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989).

##### **b) Yuran guaman / Carian syarikat:**

Seperti mana yang dicaj oleh peguam (Jika berkenaan).

##### **c) Yuran Broker**

Tidak berkenaan.

##### **d) Laporan Penilaian:**

Seperti mana yang dicaj oleh Jurunilai (Jika berkenaan).

##### **e) Perlindungan Takaful/insuran:**

Perlindungan Takaful/insuran adalah diwajibkan jika aset diletakkan sebagai cagaran untuk pembiayaan (jika berkenaan).

<b>f) Caj ke atas pembayaran lewat:</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebelum Matang - Ansuran Lewat Bayar x 1.0% x Bil. Hari Lewat Bayar / 365</li> <li>• Selepas Matang - Baki Belum Jelas x IIMMR x Bil. Hari Lewat Bayar / 365</li> <li>• Pasca-Penghakiman - Jumlah Penghakiman x IIMMR x Bil. Hari Lewat Bayar / 365</li> <li>- Nota: IIMMR = Kadar Pasaran Kewangan Islam Antara-bank ("Islamic Interbank Money Market Rate")</li> <li>- Caj bayaran lewat tidak akan dikompaun dan lebih daripada bayaran pokok yang belum dijelaskan.</li> </ul>
<b>6. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya Kafalah Jaminan Bank-i dituntut oleh benefisiari, anda dikehendaki membayar kepada Bank dengan serta-merta atau sebelum tempoh luput Notis Tuntutan.</li> <li>• Sekiranya anda gagal dalam membuat pembayaran tepat pada masanya, Pelanggan akan dikenakan caj pampasan atau kadar lain yang telah ditentukan oleh BNM.</li> <li>• Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda tidak mengendahkan notis peringatan kami. Cagaran akan dikuatkuasakan dan anda akan menanggung kesemua kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan setelah cagaran dcairkan.</li> <li>• Tindakan undang-undang ke atas anda boleh menjejaskan kadar penarafan kredit anda yang boleh mengakibatkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau lebih mahal kepada anda.</li> </ul>
<b>7. Apakah risiko utama saya?</b>
Sekiranya anda gagal memenuhi kewajipan dengan benefisiari dan apabila dituntut oleh benefisiari, Bank akan meneruskan untuk memberi jaminan kepada jaminan dengan membuat pembayaran dan mendebit akaun anda dan / atau mencairkan cagaran anda.
<b>8. Adakah saya perlu menyediakan cagaran?</b>
Bank akan meminta sejumlah amaun tunai bagi tujuan cagaran.
<b>9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada nombor telefon dan alamat saya?</b>
Adalah penting untuk anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan pada nombor telefon dan alamat anda untuk memastikan bahawa segala surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
<b>10. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya anda menghadapi kesukaran dalam membuat pembayaran, anda haruslah menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di: Pusat Perkhidmatan Pelanggan: 03-26037700 Laman web: <a href="http://www.smebank.com.my">www.smebank.com.my</a></li> <li>• Sekiranya anda ingin membuat aduan terhadap produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di talian 03-26037700 atau emel kami di <a href="mailto:customercare@smebank.com.my">customercare@smebank.com.my</a> atau hantar surat anda ke: Ketua Pusat Perkhidmatan Pelanggan Tingkat 10, Menara SME Bank Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur</li> <li>• Sekiranya jawapan kami terhadap pertanyaan atau aduan anda tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK di: Tingkat Bawah, Blok D Bank Negara Malaysia Peti Surat 10922 50929 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-21741515 E-mail: <a href="mailto:bnmtelexlink@bnm.gov.my">bnmtelexlink@bnm.gov.my</a></li> </ul>
<b>11. Di mana saya boleh mendapatkan informasi yang selanjutnya?</b>
<p>Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang terdapat di cawangan kami yang berhampiran atau layari laman sesawang kami di <a href="http://www.smebank.com.my">www.smebank.com.my</a> atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03- 2603 7700.</p> <p>Untuk maklumat lanjut dalam mendapatkan pembiayaan, sila rujuk risalah <i>bankinginfo</i> yang terdapat di kesemua cawangan kami dan juga laman web <a href="http://www.bankinginfo.com.my">www.bankinginfo.com.my</a>.</p>
<b>12. Lain-lain pakej pembiayaan yang ditawarkan?</b>
Pihak Bank juga menyediakan pembiayaan semula/ aset, pembiayaan modal kerja, pembiayaan kontrak, pembiayaan projek dan lain-lain program pembiayaan khusus.
<b>NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA BAYARAN KE ATAS PEMBIAYAAN ANDA TIDAK DIBAYAR DENGAN SEGERA PADA TARIKH MATANG</b>
Maklumat yang disediakan di dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada